

i-Sayang benar carum untuk isteri 2 peratus

2.4 juta suri rumah Malaysia tak bekerja, tiada keselamatan sosial berdepan kesulitan wang

Oleh Rohaniza Idris dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semalam melancarkan inisiatif i-Sayang yang membolehkan suami untuk memindahkan dua peratus daripada caruman KWSP bulanan mereka ke akaun isteri.

Ini bermakna, setiap bulan suami akan mencarum sebanyak sembilan peratus kepada akaun sendiri dengan baki dua peratus lagi dipindahkan kepada akaun isteri.

Ketika ini, kira-kira 2.4 juta suri rumah Malaysia tidak bekerja atau berada di luar sektor tenaga buruh dan tidak mempunyai sebarang bentuk keselamatan sosial, menjadikan mereka lebih rentan terhadap kesulitan dan kejutan kewangan.

Permohonan i-Sayang boleh di-

lakukan secara dalam talian melalui i-Akaun KWSP (Ahli), Self-Service Terminal (SST) KWSP, atau di mana-mana cawangan seluruh negara.

Maklumat lanjut i-Sayang boleh didapati di laman sesawang KWSP di www.kwsp.gov.my, atau hubungi Pusat Pengurusan Pelanggan KWSP di 03-8922 6000.

i-Sayang hasil kerjasama KWSP dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri KPWKM, Datuk Seri Nancy Shukri dan Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir.

Hargai sumbangan isteri

Berucap pada majlis itu, Anwar berkata, i-Sayang adalah sebagai menghargai sumbangan isteri.

Katanya, ia membolehkan isteri terutama yang tidak bekerja, mempunyai simpanan persaraan yang akan menjadi sumber pendapatan pada usia emas mereka kelak.

“Inisiatif ini selaras komitmen kerajaan dalam memperkasakan hak dan menjaga kebajikan wanita serta menerapkan nilai kekeluargaan dalam jiwa rakyat se-



Anwar diiringi Nancy (kiri) dan Aiman Athirah menyampaikan Anugerah Kasih Wanita pada Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Mohamad shahril Badri saali/BH)

laras dengan konsep Malaysia MADANI yang berteraskan ciri-ciri keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

“Ini juga adalah satu daripada usaha berterusan kerajaan untuk melebarkan lagi jaringan perlindungan sosial kepada institusi keluarga. Selain itu, ia akan dapat mengeratkan hubungan kasih sayang dan rasa tanggungjawab antara suami dan isteri,” katanya.

Pada majlis itu, Anwar turut mengumumkan peruntukkan sebanyak RM1 juta bagi pelaksanaan Tabung KASIH Rahmah bagi membantu wanita yang terdesak.

“Tabung ini bagi membantu wanita yang memerlukan bantuan dalam keadaan terdesak seperti mangsa keganasan rumah tangga yang diselamatkan dan

wanita yang diabai oleh ahli keluarga sebelum dibantu oleh agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Zakat,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar Ibrahim menggesa semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) melantik lebih ramai wanita dalam kepimpinan tertinggi syarikat.

“Menurut laporan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) penyertaan wanita dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai menunjukkan peningkatan.

“Pada 2022, lebih 80 peratus daripada syarikat tersenarai mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah wanita, berbanding 75 peratus pada 2021.

“Bagi 100 syarikat tersenarai awam terkemuka di Bursa Malaysia, penyertaan wanita dalam lembaga pengarah meningkat daripada 19.2 peratus pada 2017 kepada 29.7 peratus pada 1 Mac 2023,” katanya.

Namun, beliau menegaskan secara keseluruhan dalam kalangan semua syarikat tersenarai, penyertaan wanita masih pada tahap 22.1 peratus.

Bagi sektor awam pula, katanya, penjawat awam wanita pada peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas meningkat kepada 38.8 peratus.

Bagaimanapun, bagi sektor politik pula, peratus perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat menurun daripada 14.9 peratus pada 2021 kepada 13.5 peratus pada 2022.